

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah kos untuk mempromosikan perlaksanaan sistem cukai GST sejak 2013 sehingga 2014 berdasarkan jenis media dan kosnya.

**JAWAPAN**

Kementerian Kewangan sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015.

Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi program publisiti

bagi tempoh 2012 – September 2014 adalah sebanyak RM17 juta. Kos ini digunakan untuk membiayai pelbagai program melalui saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan billboard serta melalui media sosial iaitu blogspot, laman web, twitter dan Facebook